

22/10/2002

Gunaratna mungkin didakwa jika datang ke Malaysia: PM

Misiah Taib; Abdul Halim Yusoff; Magendran Rajagopal; Mohd Anwar Patho SUBANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penulis buku Inside Al-Qaeda: Global Network of Terror, Rohan Gunaratna, akan dihadapkan di mahkamah jika dia datang ke negara ini dan jika kerajaan Malaysia mempunyai kes terhadapnya.

Perdana Menteri berkata, jika dia terus berada di luar negara, kerajaan mungkin tidak dapat berbuat apa-apa kerana menganggap Malaysia tidak akan mendapat keadilan jika mengambil tindakan terhadap orang yang berada di luar negara.

"Sekarang dia duduk di luar negeri. Tak ada di sini. Kita nak saman dia di negeri orang, macam mana kita nak dapat keadilan. Tapi kalau dia datang ke Malaysia dan kita ada kes terhadapnya, kita akan bawa dia ke mahkamah," katanya ketika diminta mengulas tindakan Gunaratna yang mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan kumpulan al-Qaeda, setibanya beliau dari luar negara malam ini.

Beliau yang mengakhiri lawatan kerja enam hari ke India, Pakistan dan Arab Saudi tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada kira-kira jam 11 malam ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, tindakan Gunaratna yang mengaitkan BN dengan kumpulan al-Qaeda adalah satu tindakan bodoh dan menunjukkan bahawa dia sebenarnya tidak tahu apa-apa, sebaliknya hanya menulis secara membabi-buta.

"Orang macam inilah yang merosakkan segala-galanya. Mereka bodoh, tak tau apa, tahu tulis saja, pasal nak kena tepuk di belakang oleh orang barat, orang seperti ini kaki ampu dan saya tak hormat langsung orang yang macam ini.

"Orang yang suka ampu macam ni tak pernah serik pun. Inilah orang Asia, kalau orang puji dia, tepuk belakang, negeri pun dia nak jual," katanya.

Mengenai dakwaan Gunaratna bahawa beliau mendapat laporan daripada perisik Filipina, Perdana Menteri berkata;

"Bagilah tahu (jika benar), kita nak tahu lah. Kalau perisik Filipina pun perkara ini biarlah betul. Kita dengar banyak cerita juga di Malaysia ini termasuk berkenaan saya menjadi Firaun.

Ditanya apakah kerajaan patut mengharamkan penjualan buku itu di negara ini, beliau berkata: "Saya tak tahu sama ada kita patut ban atau tidak kerana saya sendiri tidak percaya kepada tindakan seperti itu."

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Kementerian Dalam Negeri belum mengarahkan buku itu diharamkan di negara ini.

Katanya, arahan yang dikeluarkan kepada pegawai KDN setakat ini ialah supaya menyelidik kandungan buku itu dan mencadangkan apa tindakan yang sesuai diambil.

"Saya tak beri apa-apa arahan, saya tak tahu, boleh jadi mereka (penjual buku) dah keluarkan buku itu (atau tidak daripada rak jualan)", katanya selepas mengetuai Kabinet melawat Pusat Perdana Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) di Cyberjaya, hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Kabinet akan memutuskan tindakan selanjutnya selepas mendengar cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, Rabu ini.

Dr Rais yang turut menyertai rombongan Kabinet ke Cyberjaya berkata, isu berkenaan sudah dikaji secara terperinci.

"jika ini masalah perundangan, semua aspek berkaitan perlu dikenal pasti

dan dipertimbangkan untuk merumuskan tindakan terbaik yang dapat kita ambil terhadap penulis itu (Gunaratna).

"Malah kita mungkin tidak memilih tindakan undang-undang jika ia dirasakan tidak perlu. Keputusan hanya boleh dilakukan apabila isu terbabit dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet Rabu ini," katanya.